

Najib lapor polis dakwa ada pihak sembunyi bukti

BH - 28/11/2021 m/s. 18

Bekas Perdana Menteri, barisan peguam tidak tahu transaksi pemulangan dana 1MDB

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mendakwa ada pihak sengaja menyembunyikan bukti material berkaitan transaksi wang berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International (SRC) ketika pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Susulan itu, bekas Perdana Menteri membuat laporan polis terhadap beberapa pihak yang dakwa menyembunyikan bukti itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, semalam.

Katanya, beliau dan barisan peguamnya tidak mengetahui ter-

dapat transaksi pemulangan dana RM65 juta dana berkaitan 1MDB diambil balik dari Singapura dan disimpan syarikat milik suami kepada bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).

Ahli Parlimen Pekan itu turut mendakwa seorang lagi saksi utama pendakwaan dalam kes SRC dihadapinya juga menerima lebih RM85 juta dana dikaitkan secara langsung dengan 1MDB.

“Pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekurang-kurangnya RM65 juta dana berkaitan 1MDB diambil balik dari Singapura disimpan syarikat milik suami kepada bekas Gabenor BNM adalah mengejutkan.

“Media turut melaporkan RM700 juta dipindah ke akaun bank yang dikaitkan dengan bekas Gabenor BNM itu sejak 2007 sehingga 2013,” katanya selepas membuat laporan polis.

Terdahulu, kenderaan membawa Najib tiba di IPD Dang Wangi pada jam 11.50 pagi dengan diiringi kenderaan polis pengiring.

Najib berkata, beliau turut kecewa dengan pendedahan bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy

Thomas dua hari lalu yang dia menyedari transaksi sedemikian ketika memegang jawatan itu.

“Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar pula pada jawapannya di Parlimen, Isnin lalu berkata, polis dan pihak berkuasa hanya tahu dana berkaitan 1MDB yang diambil balik dari Singapura disimpan syarikat milik suami bekas Gabenor BNM, pada 2019, kini sudah hampir penghujung 2021.

“Maklumat sedemikian tidak pernah dimaklumkan kepada saya dan pasukan undang-undang saya untuk digunakan dalam pembelaan saya di mahkamah, walaupun maklumat itu menjadi bahan kepada pembelaan dalam kedua-dua kes SRC dan 1MDB saya,” katanya.

Minggu lalu, SPRM mendedahkan mereka berjaya mendapatkan semula aset dan dana dikaitkan dengan 1MDB berjumlah RM20.5 bilion.

Ini termasuk pemulangan aset bernilai AS\$15.4 juta (RM64.4 juta) membabitkan akaun Cutting Edge Industries LTD milik Tawfiq Ayman dan Samuel Goh.